

**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN**  
**KOMPLEKS ISLAM, LUNDANG**  
**15200 KOTA BHARU**  
**TEL: 09-7481512 / 7445957 FAX : 09-7485512 / 09-7416565**

---

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia (keutamaan kepada peranakan Negeri Kelantan) yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

- a) Jawatan : **Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N19**
- b) Kumpulan : Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
- c) Kem/Jab : Badan Berkanun Negeri
- d) Jadual Gaji : Gred N19
- e) Taraf Jawatan : **TETAP**

<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>	<b>KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>
RM 1,352.00	RM 4,003.00	RM100.00

f) **Syarat Lantikan:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- i) Warganegara Malaysia;
  - ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau
  - iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau
  - v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).
- g) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Penting : Syarat Kelayakan ini hanya berkuatkuasa mulai 1 Julai 2016 (Pekeliling Perkhidmatan 1/2016 - Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saran Malaysia)**